



UiTM@Media **2016**



Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

SYAMSUL DEBAT

'SEBENARNYA
SAYA **BUKAN**
USTAZ
PENDIDIKAN
AGAMA
SECARA
TIDAK
RASMI
BERMULA
DI RUMAH'



" Saya dengan
Ustaz Azhar Idrus
sama dari satu
segi iaitu kami
menyampaikan
ilmu tapi
dengan cara
masing-masing
Syamsul Debat "

KAFE AHAD

B eliau sudah menjadi penceramah sejak 2005 namun nama Syamsul Amri Ismail, 38, atau lebih dikenali sebagai Syamsul Debat tiba-tiba menjadi popular sejak akhir-akhir ini.

Semuanya bermula apabila rakaman ceramah beliau di TV AlHijrah menjadi viral dan dikongsi ramai di laman sosial.

Dengan gaya bersahaja, menggunakan loghat Negeri Sembilan dan terselit jenaka menjadikan pengendali rancangan bual bicara kerohanian Syamsul Debat di TV AlHijrah itu antara penceramah yang dinanti ramai.

Pengarang Berita Harian Metro Muhd Izawan Baharin berkesempatan menemu bual Syamsul menerusi Kafe Ahad kali ini.

Boleh saudara berkongsi latar belakang termasuk bagaimana boleh menjadi seorang penceramah?

Saya berkelulusan Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan memulakan kerjaya sebagai pegawai pendakwa di Majlis Perbandaran Seremban (MPS) kemudian menjadi pengarah undang-undang di Majlis Perbandaran Nilai (MPN) sehingga sekarang.

Dari segi ceramah, memang saya sejak di universiti aktif dalam debat dan pidato. Sekarang saya ialah Presiden Pertubuhan Alumni Debat Malaysia (ADAM).

Saya terbahit dalam ceramah, motivasi dan seminar namun kecenderungan lebih kepada ceramah kerjaya dan kekeluargaan.

Dalam menyampaikan ceramah, saya memang tidak dapat lari daripada menyentuh aspek kerohanian. Kalau nak ikutkan saya mula berceramah pada 2005. Saya berceramah disebabkan penceramah asal tidak datang. Ada orang kenal saya aktif berdebat jadi dia minta saya bantu ganti. Saya jadi penceramah bidan terjun masa itu. Dari situlah mulanya sampai ke hari ini.

Sehingga kini banyak klip ceramah saudara dikongsi di laman sosial sehingga ada yang memanggil dengan gelaran ustaz. Adakah saudara memang seorang penceramah agama?

Sebenarnya saya bukan ustaz. Pendidikan agama secara tidak rasmi bermula di rumah dengan emak dan arwah abah. Kemudian saya belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Haji Mohd Said di Seremban dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan Labu di Seremban.

Apabila ke universiti dalam jurusan undang-undang, saya belajar undang-undang sivil dan syarie. Atas minat sendiri pada agama, saya belajar. Saya bukan pandai sangat, tapi kalau ada ilmu walaupun sedikit, kita kongsi dengan orang. Kalau ikutkan kategori, saya ini taklid iaitu mengikut dan menyampaikan. Semua perkara saya sampaikan baik-baik saja, mudah-mudahan ada pengajaran dan moral yang orang boleh ambil untuk kehidupan mereka.

Boleh dikatakan secara tiba-tiba nama saudara terkenal. Adakah ini dianggap satu kejayaan saudara dalam menyampaikan ceramah

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Saya mengandaikan ia sebagai anugerah Allah terhadap perkara yang saya suka. Saya memang minat berceramah, bercakap dan menyampaikan. Selama ini, saya memang ramai anak murid, ada yang menang pidato antarabangsa, nombor tiga program Imam Muda dan ada yang pernah sertai Pencetus Ummah. Itu semua bekas anak didik saya dalam debat. Tidak tahu pula tok guru mereka (terkenal) kemudian. Benda ini rezeki Allah. Saya ini orang kampung, bak kata tok guru saya dulu, kita boleh keluarkan Syamsul dari kampung tapi tak boleh keluarkan kampung daripada Syamsul.

Berdasarkan sambutan terhadap ceramah saudara, ramai yang menganggap saudara mampu menjadi daya penarik perhatian ramai seperti Ustaz Azhar Idrus. Apa komen saudara?

Saya dengan Ustaz Azhar Idrus sama dari satu segi iaitu kami menyampaikan ilmu tapi dengan cara masing-masing. Kalau bercakap mengenai daya tarikan ramai itu, saya tidak boleh komen kerana mungkin satu hari nanti kita datang (ceramah) orang tidak ada.

Kalau ramai, ramailah, kadang-kadang pada saya yang penting saya boleh bawa satu kegembiraan pada orang dan dalam pada itu, dia dapat ilmu. Itu cukup baik untuk saya. Saya tidak mahu terbawa-bawa rasa hebat kerana tidak ada hebatnya. Allah bagi semua, ilmu ini pun pinjaman. Bila Allah bagi, kita kena sebarkan. Kita masih perlu buka ruang untuk diri belajar dan terus belajar.

Antara sebab utama ceramah saudara diminati ialah disebabkan terselit banyak jenaka. Tetapi ada yang melihat orang lebih berminat dengan lawak berbanding mengambil ilmu daripada ceramah itu. Apa komen saudara?

Ada orang boleh bagi ceramah senada saja, tetapi akhirnya orang balik tidak dapat apa-apa. Ada juga sesetengah orang suka ambil benda yang lawak ini kerana kena pada diri dia. Kalau perasan setiap lawak yang saya masukkan itu ada kena mengena dengan kehidupan seharian. Jadi pengajaran sampai kepada dia. Itu sebab dia gelak besar sebab kena pada batang hidung sendiri.

Tapi saya bukan tumpu pada lawak saja cuma ia memang kehidupan saya. Saya dengan adik-beradik saya. Saya kalau diikuti ikon ialah abah saya, Allahyarham Haji Ismail Lebai Alias. Dia andainya masih hidup hari ini, saya cakap dia paling lawak dalam kampung.

Ada saja bendanya. Dalam mahu mengajar atau menyindir, ada lawak dan kita dengarlah. Saya pun ambil pendekatan begitu dalam kita melawak mudah-mudahan ada intipati mahu disampaikan di sebalik lawak itu. Sama ada mengenai suami isteri, anak-anak, masyarakat atau jiran tetangga.

Kebanyakan intipati ceramah saudara berkaitan kisah rumah tangga, adakah ia berdasarkan perkongsian pengalaman sendiri?

Boleh dikatakan perkongsian saya dengan keluarga saya dan kawan-kawan. Kita ada kehidupan, keluarga kita ada kehidupan, kawan-kawan kita ada kehidupan, masyarakat pun ada kehidupan. Ini yang saya garap. Peristiwa ini mungkin daripada kawan saya atau orang lain, jadi saya sesuaikan dengan kandungan ceramah.

Dari segi kerjaya bagaimana membahagikan masa?

Saya hanya akan pergi berceramah pada waktu lapang saja. Saya susun jadual, kalau ada masa yang saya tak boleh elak, saya tak pergilah. Karier kena jaga tapi dalam masa sama ceramah sampai malam. Balik anak sudah tidur, esok pagi-pagi saya sudah keluar balik.

Ini pun satu pengorbanan, semoga Allah akan balas. Sebelum rakaman ceramah saya diviralkan, saya sudah sibuk. Sabtu dan Ahad, malam pun ceramah cuma tinggal lagi

baru baru ini pukulan itu lain macam. Bila viral, kita keluar pun orang tenung macam sudah jadi tarikan dan saya bukan dalam keadaan bersedia menghadapi perkara itu. Sesetengah orang mungkin sedar dia akan keluar TV jadi boleh bayang apa nak buat, macam saya semasa penggambaran pertama, masa pakai baju merah itu, saya tak buat persediaan.

Saya diberitahu untuk rakaman staf stesen TV AlHijrah saja, saya bagi ceramah macam biasa, saya belasah dengan anggapan saya tidak akan datang situ lagi dah. Itu yang keluar habis-habisan.

Malah, pada hari pertama keluar TV, saya tidak tahu kerana tengah ceramah di luar, kebetulan ada orang mesej, muka saya keluar TV. Lepas itu tengok setiap WhatsApp group tersebar klip rakaman itu. Sampai dalam 'group' saya pun tersebar dan ada orang tanya siana kenal ustaz ini.

Saya pun jawab rasa macam kenal dan bila dia minta nombor telefon, saya jawab nanti saya periksa ada lagi tak simpan nombor dia. Saya bergurau sampai orang akhirnya perasan. Tapi memang saya masih macam biasa, pergi kerja macam biasa. Petang saya ceramah macam biasa. Saya tetap saya.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

